

Keseimbangan ekologi jamin kelestarian alam, hindari bencana

Oleh Prof Madya Dr Mohd Kamal Mohd Hussain
bhrencanagh@bh.com.my



Prof Madya Dr Mohd Kamal Mohd Hussain, FALSA, FALSA, FALSA, Seri Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar (RAED), Universiti Islam, Alor Gajah, Melaka (UAM)

Pendekatan landskap ekologi merujuk kepada saksampulan konsep, alat, kaedah, dan pendekatan yang diimbangkan di dalam perancangan dan reka bentuk landskap untuk mencapai pelbagai jenis faedah seperti objektif persekitaran, sosial dan ekonomi.

Pendekatan ini bertujuan untuk meluaskan (jangkauan) terhad sektor dan juga mengintegrasikan objektif mengenai perkhidmatan ekosistem dan aktiviti manusia yang berbeza.

Pendekatan landskap ekologi juga untuk mengatasi keinginan dalam dasar dan dalam kalangan sarjana untuk memasukkan kedua-dua sistem sosial dan ekologi dalam penyelidikan dan pembangunan, sehingga semua pihak menekankan perlunya melakukan penyelidikan antara keduanya.

Pendekatan landskap ekologi didefinisikan sebagai strategi untuk pengurusan tanah, air dan sumber hidup bersepadu yang mempromosikan pemuliharaan dan penggunaan lestari dengan cara yang adil.

Aplikasi pendekatan ekosistem ini akan membantu mencapai objektif pemeliharaan landskap yang seimbang, penggunaan lestari dan pengurangan faedah yang ada serta tidak berat sebelah dalam penggunaan sumber genetik.

Pengalaman ini mengintegrasikan aspek pembangunan ekonomi, sosial dan ekologi. Cara bagaimana manusia, organisasi atau institusi melihat pendekatan landskap bergantung kepada tujuan dan pertimbangan mereka untuk memulau pendekatan landskap itu sendiri.

Dalam pendekatan landskap ekologi ini, interaksi antara pihak berkepentingan dan pengguna yang pelbagai akan dapat dilihat dalam perancangan dan reka bentuk ruang.

Sebaik-baiknya, semua kepentingan mempunyai akses kepada maklumat, pengetahuan dan teknologi yang sama untuk membuat keputusan optimum mengenai penggunaan tanah dan dapat memantani kesan serta kemajuannya.

Ini dapat menjadikannya sebagai kaedah

perancangan dan reka bentuk ekologi landskap yang lebih komprehensif.

Semua prinsip perancangan dan reka bentuk landskap ekologi adalah bertujuan petunjuk jelas yang diikuti oleh seorang arkitek landskap untuk mengembangkan penyelesaian bijak secara ekologi kepada masalah praktikal.

Dalam perancangan dan reka bentuk landskap ekologi, pendekatan reka bentuk dengan aliansi dengan *with nature* adalah pendekatan pembangunan tanah sistemik yang mengahindari kawasan sensitif terhadap lingkungan semula jadi yang ditamahi.

Pendekatan landskap ekologi ini akan memberi laluan jangka panjang kepada kelestarian alam sekitar.

Pendekatan landskap ekologi mempromosikan kecerdasan sosioekologi yang mewujudkan kesedaran budaya yang bercorakasikan perlindungan spesies serta persekitaran binaan yang diilutikan dengan sistem semula jadi dan alam.

Terdapat tiga tanggungjawab nilai etika pendekatan landskap ekologi yang perlu diberi perhatian oleh arkitek landskap iaitu kewajipan mengaji kesejahteraan semua spesies dan habitatnya; kewajipan memelihara sumber daya untuk generasi akan datang; serta kewajipan melaksanakan kecekapan dalam membuat, memilih dan melaksanakan perancangan dan reka bentuk.

Pendekatan landskap ekologi dalam proses membuat keputusan akan menyokong tindakan yang bertujuan untuk melakukan kebaikan yang nyata dan kekal secara praktikal.

Dalam pada itu, perancangan dan reka bentuk landskap ekologi menawarkan kerangka dan kaedah teori yang dapat membantu penggunaan sumber asli dan perlindungan alam sekitar dengan bijak.

Simbangan perancangan dan reka bentuk landskap ekologi seperti pendekatan kesesuaian pedalaman menerapkan konsep bioekologi dan ekologi manusia dalam mencari jalan untuk mengurangkan kesan persekitaran pembangunan bandar, penyertaan profesional perancangan dan reka bentuk ekologi yang mengukumi kawasan semula jadi serta perlindungan ruang hijau, pembangunan berjalap rendah, pemindahan hak pembangunan, infrastruktur hijau, pembangunan semula kawasan terbahagi, reka bentuk ekologi bandar, dan urbanisme lestari.

Prasarana hijau (atau persekitaran) adalah antara strategi untuk meningkatkan dan memperluas perkhidmatan ekosistem.

Manusia harus diperlakukan sebagai komponen ekosistem yang berinteraksi antara organisma dan persekitaran untuk mencari persekitaran paling sesuai dan penyesuaian ekologi.

Perancangan dan reka bentuk landskap ekologi di kawasan bandar akan menjadi cabaran paling signifikan bagi profesion arkitek landskap, di mana kawasan bandar berkembang dan banyak bandar terletak di tempat yang semakin rentan terhadap perubahan iklim.

Ini akan memberi kesan kepada masyarakat yang meliputi orang miskin, tua, muda dan orang kurang upaya (OKU) yang berisiko di kawasan bandar kerana bahaya banjir, tanah runtuh, kebakaran hutan dan gempa bumi.

Oleh itu, perancangan dan reka bentuk tempat selamat bagi memantani keperluan manusia adalah menjadi tugas asas kepada arkitek landskap.

Selain melindungi manusia daripada bencana alam, peranan seorang arkitek landskap dapat meningkatkan perkhidmatan ekosistem dihasilkan di kawasan bandar.

Ini termasuk proses semula jadi yang menyediakan makanan dan air; yang mengatur seperti kawalan iklim dan penyakit; yang menyokong seperti kitaran nutrien dan pengeluaran tanaman; dan yang menyumbang kepada budaya, seperti faedah rohani dan rekreasi.

Untuk membuat tindakan manusia selaras dengan proses semula jadi, perancangan dan reka bentuk landskap ekologi harus diberi perhatian khusus kepada bagaimana seseorang arkitek landskap merancang, mereka bentuk dan menguruskannya.

Prasarana hijau (atau persekitaran) adalah antara strategi untuk meningkatkan dan memperluas perkhidmatan ekosistem

